

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pendahuluan

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian perpustakaan dan kaedah yang digunakan juga dilaksanakan dengan menggunakan kaedah perpustakaan. Data-data kajian adalah bersumberkan teks sajak dan juga penglibatan 10 orang pelajar yang turut menjadi sampel kajian. Analisis yang dijalankan memberi perhatian kepada implikatur yang wujud dalam sajak dan melihat samaada pelajar-pelajar yang membaca sajak-sajak ini mempunyai konteks yang sama dengan penulis sajak dalam menyampaikan maksud sebenar.

3.1 Pengumpulan Data

Data-data yang dijadikan sampel kajian adalah 6 buah sajak yang telah dikategorikan mengikut tahun sajak itu ditulis dan ia terdiri daripada:

- a) Sajak sebelum merdeka (tahun 50 an)
- b) Sajak tahun 60 an
- c) Sajak tahun 70 an
- d) Sajak tahun 80 an
- e) Sajak tahun 90 an
- f) Sajak tahun 2000

Pengkategorian ini amat penting dalam menfokuskan tumpuan analisis terhadap sajak-sajak berkenaan. Sajak-sajak ini diperolehi daripada dua buah buku iaitu buku *Lukisan Zaman* hasil selenggaraan Saudara Rahman Shaari dan juga buku *Aku Hanya Mahu Ke Seberang* karya Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob. Rasional pemilihan sajak-sajak dari buku *Lukisan Zaman* adalah kerana sajak-sajak yang terkandung dalam buku ini merupakan sajak-sajak yang digunakan sebagai salah satu mata pelajaran Kesusastraan Melayu di peringkat SPM bagi pelajar-pelajar tingkatan 4 dan 5. Justeru sajak-sajak ini amat sesuai untuk di baca oleh pelajar-pelajar. Kategori sajak sebelum merdeka iaitu tahun 50an sehingga tahun 80an telah diambil dari buku *Lukisan Zaman*. Sementara itu sajak-sajak dari tahun 90an sehingga tahun 2000 telah diambil dari buku *Aku Hanya Mahu Ke Seberang* yang dijadikan sampel kajian. Sajak-sajak ini turut sesuai di baca oleh pelajar-pelajar kerana fokus utama buku *Aku Hanya Mahu Ke Seberang* adalah kepada pembaca dari golongan remaja. Selain sajak-sajak yang menjadi sampel kajian, terdapat 10 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan dari German-Malaysian Institute. Disebabkan keterbatasan waktu penulis dalam mencari 10 orang pelajar yang dapat meluangkan masa membaca keenam-enam sajak, penulis telah mengambil keputusan untuk mengambil pelajar-pelajar daripada German-Malaysian Institute ini sebagai salah satu sampel kajian. Kesemua pelajar ini merupakan penutur Bahasa Melayu dan mereka pernah membaca sajak sebagai salah satu mata pelajaran yang perlu dipelajari oleh pelajar-pelajar ketika berada di peringkat sekolah menengah. Selain itu ada di antara mereka yang amat aktif mengikuti pelbagai aktiviti kebahasaan seperti syair, pantun dan sajak ketika berada di peringkat sekolah. Justeru keadaan ini banyak membantu pelajar-pelajar ini untuk memahami maksud yang terkandung dalam sajak-sajak yang dijadikan sampel kajian.

Kesemua pelajar German-Malaysian Institute ini di beri masa selama satu jam untuk membaca keenam-enam buah sajak dan kemudian mereka akan dikemukakan dengan soalan berkaitan sejauh mana mereka memahami maksud yang terdapat pada setiap rangkap sajak-sajak tersebut (sila rujuk lampiran). Hal ini amat penting dalam melihat sama ada mereka mempunyai konteks yang sama dengan penulis sajak apabila cuba memahami makna-makna yang disampaikan secara tersirat atau lebih tepat lagi dinyatakan sebagai implikatur.

3.2 Kaedah Menganalisis Data

Bagi mencapai objektif kajian yang telah di kemukakakan, kaedah yang telah di gunakan dalam menganalisis setiap data yang dijadikan sampel kajian adalah kaedah kualitatif. Justeru kajian ini meliputi beberapa peringkat dan ia terdiri daripada:

- 1) Tunjang utama kepada kajian ini adalah kerangka Teori Relevan yang bergandingan bersama-sama Teori Semantik Sistem Penuh.
- 2) Huraian lengkap dan terperinci diberikan terhadap implikatur yang wujud dalam sajak yang dikesan oleh 10 orang pelajar dari sudut pandangan Teori Relevan.
- 3) Pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini adalah penting untuk meneliti dan menganalisis keseluruhan implikatur yang terkandung dalam sajak serta meneliti dan juga menganalisis implikatur yang dikesan oleh 10 orang pelajar. Analisis terhadap kedua-dua sampel ini amat penting dalam mencapai objektif kajian.

- 4) Kaedah kuantitatif tidak digunakan dalam penganalisisan data kerana objektif kajian ini bukanlah untuk melihat peratusan implikatur yang wujud sebaliknya ingin melihat keberkesanan Teori Relevan dalam menghuraikan implikatur.
- 5) Huraian secara terperinci dilakukan bagi menjelaskan semua persoalan dan mesej berkaitan implikatur dalam sajak.

Pemilihan kaedah yang tepat dalam usaha menganalisi data bagi sesebuah kajian amatlah penting dalam menghasilkan dapatan yang dapat menyokong kajian tersebut. Justeru kaedah menganalisis data yang telah di senaraikan di atas berperanan penting dalam melancarkan setiap analisis yang dijalankan dalam kajian ini.